



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**HUBUNGAN KESELARASAN KERJAYA, EFIKASI KENDIRI
KERJAYA, KEMAHIRAN KEBOLEHGAJIAN, DAN
KEBOLEHSUAIAN KERJAYA TERHADAP PEMBINAAN
KERJAYA PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK
MALAYSIA**

*RELATIONSHIP OF CAREER CONCORDANCE, CAREER SELF-EFFICACY,
EMPLOYABILITY SKILLS, CAREER ADAPTABILITY ON THE CAREER
CONSTRUCTION OF MALAYSIA POLYTECHNIC BACHELOR'S DEGREE
STUDENTS*

Syarifah Sheril Azlin Syed Baharin^{1*}, Wan Marzuki Wan Jaafar², Yusni Muhamad Yusop³, Wan Norhayati Wan Othman⁴

¹ Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: syasheril@upm.edu.my

² Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: wanmarzuki@upm.edu.my

³ Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: yusni_my@upm.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: wannorhayati@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 22.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Syed Baharin, S. S. A., Wan Jaafar,
W. M., Yusop, Y. M., Wan Othman,

Abstrak:

Pembinaan kerjaya adalah merupakan faktor yang penting untuk diberikan perhatian oleh semua bakal graduan. Tinjauan literatur menyatakan pembinaan kerjaya bakal graduan meliputi kenalpasti keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, mempunyai kemahiran kebolehgajian dan kebolehsuaian kerjaya antara elemen penting kepada sumbangan kejayaan kerjaya seseorang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap, hubungan keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian, dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik Malaysia. Kajian ini dijalankan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda dari empat (4) buah Politeknik di Malaysia. Reka

W. N. (2025). Hubungan Keselarasan Kerjaya, Efikasi Kendiri Kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian, Dan Kebolehsuaian Kerjaya Terhadap Pembinaan Kerjaya Pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 466-487.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058032

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kolerasi. Kajian kolerasi yang dijalankan adalah melihat hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu keselarasan kerjaya, efikasi kendiri kerjaya, kemahiran employability, dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pembinaan kerjaya. Kajian ini dijalankan kepada 274 orang responden yang dipilih secara rawak berstrata. Kajian ini dijalankan secara 'online' dengan mengedarkan set soal selidik berbentuk 'google form' yang telah dijalankan kesahan kandungan oleh pakar yang dilantik. Analisa data kajian ini dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 25* (SPSS). Dapatan kajian melaporkan kolerasi antara pembolehubah yang dikaji iaitu keselarasan kerjaya, efikasi kendiri kerjaya, kebolehsuaian terhadap pembinaan kerjaya didapati signifikan dan seperti yang dijangkakan ($p < .05$). Manakala kolerasi pembolehubah kemahiran kebolehgajian didapati tidak signifikan ($p > .05$). Ini melaporkan hubungan keselarasan kerjaya, efikasi kendiri kerjaya dan kebolehsuaian kerjaya menunjukkan hubungan positif dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik, Manakala pembolehubah kemahiran kebolehgajian melaporkan tiada hubungan dengan pembinaan kerjaya. Hasil dapatan kajian ini dapat memberikan satu sumbangan yang penting kepada hubungan pembolehubah yang dikaji dalam kajian. Secara rumusannya, ia memberikan impak terhadap pembinaan kerjaya terhadap Pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik Malaysia.

Kata Kunci:

Efikasi Kendiri Kerjaya, Kebolehsuaian Kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian, Keselarasan Kerjaya, Pembinaan Kerjaya

Abstract:

Career construction is a critical area of focus for all prospective graduates need to pay attention to. Literature studies state that prospective graduates' career construction includes identifying career concordance, career self-efficacy, employability skills and career adaptability as important elements that contribute to a person's career success. The objective of this study is to identify the level relationship of career concordance, career self-efficacy, employability skills and career adaptability to the career construction of Bachelor's degree students at Malaysian Polytechnics. This study was conducted on Bachelor's degree students from four (4) Polytechnics in Malaysia. The study design used in this study was in the form of a correlation study. The correlation study conducted was to see the relationship between the independent variables, namely career concordance, career self-efficacy, employability skills and career adaptability to the dependent variable, namely career construction. This study was conducted on 274 respondents who were randomly selected through stratification. This study was conducted 'online' by distributing a set of questionnaires in the form of 'google form' which was conducted for content validity by appointed experts. Data analysis of this study was conducted using Statistical Package for Social Sciences 25 (SPSS) software. The findings reported that the correlation between the variables studied career concordance, career self-efficacy, and career adaptability to career construction were found to be significant and as expected ($p < .05$). While the correlation of employability skills variables was found to be not significant ($p > .05$). This reported that the relationship between career concordance, career self-efficacy, and career adaptability showed a positive relationship with the career construction of Bachelor's Degree Polytechnic students, While the employability skills variable reported no relationship with career construction. The findings of this study can make an important contribution to the relationship between the variables studied in the study. In

short, it has an impact on the career construction of Bachelor's Degree Students at Malaysian Polytechnics.

Keywords:

Career Adaptability, Career Concordance, Career Construction, Career Self-Efficacy, Employability Skills

Pengenalan

Perkembangan ekonomi yang pesat di negara ini memberikan kesan kepada perkembangan kerjaya individu. Seiring dengan kemajuan sains dan teknologi yang semakin laju dan pesat, cabaran dalam kerjaya juga makin bertambah rumit sehingga mendesak para pelajar universiti menjadikan diri mereka trampil dalam mencapai kerjaya. Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) menggariskan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang bagi tujuan meneroka peluang pekerjaan baharu dan mewujudkan suasana mencari pekerjaan kepada menciptakan pekerja (PPPM, 2015). Justeru, universiti menyasar kelestarian modal insan melalui pembangunan program bidang tujuhan, tenaga pengajar dan kakitangan yang mempunyai pengetahuan, berkemahiran tinggi serta budaya kerja yang cemerlang.

Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) turut menggariskan tujuh teras strategik yang di dalamnya terdapat beberapa projek agenda yang kritikal “Critical Agenda Project (CAP)” dalam ketujuh-tujuh teras tersebut. Salah satunya adalah kebolehpasaran graduan (Graduate Employability) yang perlu ditangani oleh pihak institusi pengajian tinggi. Pembangunan pelajar tidak hanya diukur pada pencapaian akademik yang cemerlang tetapi juga meliputi kemahiran dan kualiti yang diperlukan oleh industri dan pasaran pekerjaan (Jim Steward dan Vanessa Knowles, 2000; IshakYussof et al. 2008; Ismail, 2012).

Sehubungan itu, modal insan memainkan peranan penting dalam menentukan daya saing negara untuk menjamin kejayaan negara berterusan. Pengetahuan yang menyeluruh tentang keperluan kerjaya seseorang antara sumber penting diperlukan untuk mencapai daya saing yang berkualiti. Untuk berjaya dalam kerjaya, anda perlu mempunyai pengetahuan. Menurut Super (1956), kepuasan kerjaya akan terjadi apabila keselarasan dan kesesuaian dalam pemilihan kerjaya dengan konsep sendiri individu tercapai. Di antara ketika pelajar TVET mula melangkah ke dalam program pengajian masing-masing, mereka dijangka mempunyai tahap pembangunan vokasional, kematangan kerjaya, bersedia menghadapi tugas sebagai pekerja teknikal dan vokasional profesional. Perubahan dalam pembangunan vokasional ini menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya beralih dari fasa penerokaan kerjaya ke fasa perkembangan kerjaya, selaras dengan perkembangan model vokasional moden. Kajian-kajian terkini mendapati bahawa fasa perkembangan kerjaya melibatkan pengukuhan kemahiran insaniah, penyesuaian dengan keperluan pasaran kerja, dan peningkatan keyakinan terhadap kemampuan diri (Brown et al., 2019; Green & Johnson, 2021; Tan dan Omar, 2022). Proses ini penting bagi memastikan pelajar bukan sahaja mencapai kematangan kerjaya tetapi juga bersedia untuk memenuhi jangkaan industri.

TVET adalah sasaran yang sangat besar buat Kerajaan Malaysia dan ia antara program pendidikan yang berkembang dalam membina modal insan bagi mencapai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) dengan jayanya. Bagi mencapai

objektif tersebut, kajian ini antara salah satu sumbangan ilmu pengetahuan dan penyelidikan dalam membina modal insan pelajar TVET yang ditawarkan di institusi pendidikan Malaysia melalui model perkembangan kerjaya yang khusus buat pelajar Ijazah Sarjana Muda TVET Politeknik Premier.

Penyataan Masalah

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa ‘Pernyataan Masalah’ untuk kajian yang bakal dijalankan. Beberapa pernyataan masalah adalah diuraikan seperti berikut :-

Pertamanya, melalui penyelidikan ke atas tinjauan mendapati kajian yang terhad tentang perkembangan kerjaya pelajar TVET. Menurut Ahmad Rosli, Mohamad Sattar dan Salleh Amat (2016), beberapa pembaharuan perlu dilakukan terhadap model-model kerjaya selaras dengan perubahan masa seperti model kerjaya yang sesuai mengikut pengajian dan ia membantu pelajar untuk fokus disiplinnya serta selaras dengan perkembangan kerjaya ikut tahapnya. Justeru itu, kajian ini membuka ruang yang luas bagi mengkaji hubungan beberapa pemboleh ubah tidak bersandar seperti keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pembinaan kerjaya yang khusus buat program pengajian teknikal dan vokasional.

Kedua, melihat secara keseluruhan melalui tinjauan literatur yang dijalankan mendapati kajian berkaitan dengan pemboleh ubah kajian ini iaitu keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian, kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya tidak melihat perhubungan pemboleh ubah tersebut serentak. Kebanyakan kajian lepas hanya menggunakan kajian kolerasi untuk melihat hubungan pembinaan kerjaya pada satu-satu kelompok tertentu sahaja. Sehubungan itu, pengkaji memilih melihat hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian ini secara serentak.

Ketiga, ramai pelajar mengalami kebuntuan dan merasa bingung tentang pilihan kerjaya sejak bermulanya mereka dalam program pengajian mereka. Satu kajian dijalankan di Ghana terhadap pelajar optometri dalam pengajian klinikal mereka menghadapi cabaran membuat pilihan kerjaya dalam atau luar optometri. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 64.1% telah memilih pilihan kerjaya kerana minat, dan sebanyak 38.3% iaitu pendapatan potensi (Emmanuel, Ebenezer, Kwadwo, Nana, dan Michel, 2020). Ekoran situasi ini, ketidakpastian pilihan kerjaya antara faktor yang menyebabkan pelajar atau graduan akan menangguhkan proses pembinaan kerjaya mereka. Kesedaran ilmu atau pemahaman tentang mengatasi isu ketidakpastian pilihan kerjaya perlu dikembangkan. Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus dalam mengenalpasti hubungan ketidakpastian pilihan kerjaya terhadap pembinaan kerjaya pelajar.

Objektif

Objektif kajian adalah seperti berikut :-

- 1) Menentukan hubungan keselarasan kerjaya dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia.
- 2) Menentukan hubungan efikasi sendiri kerjaya dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia.

- 3) Menentukan hubungan kemahiran kebolehgajian dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia.
- 4) Menentukan hubungan kebolehsuaian kerjaya dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia.

Skop Kajian

Skop bagi kajian ini adalah terhad kepada pemboleh ubah yang telah dikaji melalui teori dan model yang dipilih berdasarkan Teori Pemilihan Kerjaya, Teori Kerjaya Kognitif Sosial, Model Kemahiran Kebolehgajian, dan Teori Pembinaan Kerjaya. Kajian ini dijalankan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik yang sedang berada dalam program pengajian terkini. Pengkaji memilih empat buah politeknik yang menawarkan program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pemilihan pelajar tersebut sebagai sampel kajian adalah bagi memenuhi dan mencapai objektif kajian dalam melihat hubungan keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian terhadap pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang dipilih oleh pengkaji yang bersesuaian dengan pemboleh ubah kajian. Soal selidik yang digunakan adalah Soal Selidik Minat Kerjaya Sidek (Bahagian B) yang telah dibangunkan oleh Sidek (2013), Soal Selidik *Career Decision Self- Efficacy Scale- Short Form*; CDSE-SF (Betz dan Taylor, 2006) dan diterjemahkan dalam Bahasa Melayu oleh (Mohd Sani Ismail, 2011), Tahap Kemahiran Kebolehgajian oleh *Secretary's Commission On Achieving Neccessary Skills (SCANS)* dan diterjemahkan dalam Bahasa Melayu oleh (Rohana, 2010), *Career Adapt-Abilities Scale* (Savickas & Porfeli, 2011) , dan *Student Career Construction Inventory* (Savickas, Porfeli dan Hilton, 2018). Tiga daripada soal selidik ini telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu manakala dua lagi akan diterjemah oleh pengkaji sendiri dalam kajian ini.

Kajian Literatur

Sebagai seorang pelajar yang mempunyai matlamat kerjaya perlu sedar dengan kepentingan keselarasan kerjaya dalam menggapai matlamat kerjaya mereka. Personaliti dan persekitaran adalah gabungan yang erat dan selari bagi menentukan keselarasan kerjaya seseorang. Keselarasan terjadi apabila individu yang bekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan mempunyai pola personaliti yang sama atau hampir sama dengan persekitaran kerja (Ami, 2018). Menurut Sidek (2002) menjelaskan beberapa kajian yang dijalankan kepada pelajar menunjukkan pelajar memperoleh program yang selaras dengan personalitinya adalah lebih puas, stabil, tekal, membuat penyesuaian akademik dan pencapaian akademik lebih baik berbanding rakan sebaya mereka yang tidak selaras. Kajian-kajian berkenaan dijalankan oleh Sidek (1996), Posthuma dan Navaran (1970), Walsh 1974; Walsh dan Lewis 1972; Walsh & Rusell 1969; Walsh, Spokane dan Mitchell 1976.

Keupayaan dan kemungkinan seseorang itu akan memperoleh pekerjaan bergantung kepada pelbagai faktor termasuk pasaran buruh, kemahiran individu, jaringan dan sikap dan ini dipanggil employabiliti (Rose, 2015). Employabiliti dikenali sebagai, “pembinaan atau penciptaan kerja yang berterusan melalui penggunaan kecekapan individu seperti pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang diperlukan untuk melaksanakan pelbagai tugas dengan secukupnya dan memikul tanggungjawab dalam sesuatu pekerjaan, serta mengikut kesesuaian mereka kepada perubahan dalam pasaran buruh” (De Vos, 2011).

Melalui kajian yang dijalankan oleh Mastura, Ishak dan Hamdan (2008), telah bersetuju dengan saranan Holland (1985) bahawa individu akan mencari persekitaran pekerjaan yang selaras dengan minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti. Dapatan kajian berkenaan telah mengenalpasti pola personaliti-persekitaran kursus dan tahap darjah kongruen pelajar tahun satu, di mana menunjukkan tahap darjah kongruen pelajar tahun satu dikategorikan padanan yang baik.

Pengetahuan pelajar atau graduan menjadi faktor penting dalam mencapai kebolehpasaran graduan dan tidak ketinggalan juga pada Kemahiran Kebolehgajian yang perlu ada pada setiap pelajar bagi mencapai matlamat kerjaya. Kegagalan pelajar atau graduan menempatkan diri sebagai calon pekerja yang berkualiti dapat dilihat dengan jelas atas faktornya kekurangan kemahiran employability yang diperlukan oleh majikan.

Savickas (2002), telah mengenalpasti empat tugas dalam kehidupan untuk peringkat pertumbuhan dalam perkembangan kerjaya. Empat tugas tersebut adalah ambil tahu tentang masa depan, mengawal masa depan, sifat ingin tahu, dan keyakinan dalam mengejar cita-cita. Kanak-kanak telah mempelajari tugas perkembangan atau norma sosial melalui interaksi bersama orang tuanya. Model tingkahlaku daripada orang sekeliling mereka menjadikan mereka membentuk pendapat sendiri untuk buat keputusan kerjaya kelak (Joshua, 2012).

Patrick, Nicholas, dan Amanda (2009) telah mengkaji hubungan kemurungan terhadap status keputusan kerjaya dan efikasi sendiri terhadap pelajar kolej, dapatan kajian mendapati pelajar yang telah membuat keputusan kerjaya adalah kurang tertekan yang tidak pasti tentang kerjaya. Situasi ini menunjukkan bahawa kepentingan efikasi sendiri kerjaya dalam proses membina kerjaya dan juga impak kesihatan mental pelajar. Analisis Tukey's HSD yang dijalankan mendedahkan responden kajian yang telah menjalankan keputusan kerjaya adalah signifikan kurang tertekan daripada mereka yang tidak buat keputusan kerjaya ($p < 0.1$). Husaina, Nor Aziah dan Abdul Rahman (2019), menyatakan Kemahiran Kebolehgajian diperlukan untuk mempertahankan kerjaya dan memperkembangkan sesuatu kemahiran dalam kerjaya seseorang. Antara kemahiran asas seperti kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus, penyelesaian masalah adalah kemahiran organisasi atau majikan. Pernyataan ini juga selaras yang diperkatakan oleh Shafie dan Nayan (2010), di mana majikan bukan hanya mahukan kemahiran membaca, menulis malah memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran penyelesaian masalah, kreatif, membuat keputusan dan pemikiran kritikal.

Keselaran kerjaya terhadap pemilihan kerjaya seorang pelajar sering diperkatakan dan menjadi antara topik utama sebagai permulaan dalam membina kerjaya bagi mencapai kepuasan kerjaya serta manggapai matlamat kerjaya. Menurut Quahiba (2024), minat kerjaya seorang pelajar akan memberikan impak pada pertumbuhan peribadi dan kesejahteraan diri. Ini menjelaskan kepentingan minat kerjaya dalam perkembangan seseorang wujud.

Efikasi sendiri kerjaya merujuk kepada keyakinan seseorang individu terhadap kemampuan mereka untuk mengatasi dan menguruskan cabaran serta peluang dalam pembinaan kerjaya. Dalam konteks pelajar politeknik di Malaysia, efikasi sendiri kerjaya memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap keyakinan mereka terhadap kemampuan untuk berjaya dalam memilih dan mengekalkan kerjaya yang sesuai. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki efikasi sendiri kerjaya yang tinggi lebih cenderung untuk mengambil langkah

positif dalam perancangan kerjaya mereka, mengatasi halangan, serta menyesuaikan diri dengan dunia pekerjaan selepas tamat pengajian.

Menurut kajian oleh Mahmud, Yahya, dan Awang (2020), kemahiran kebolehgajian yang dimiliki oleh pelajar politeknik memberi impak langsung kepada kesediaan mereka untuk menghadapi dunia pekerjaan. Pelajar yang dilengkapi dengan kemahiran kebolehgajian yang baik mempunyai lebih banyak peluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam industri yang relevan. Kemahiran seperti komunikasi berkesan, kemahiran kepimpinan, dan keupayaan untuk bekerja dalam pasukan sering kali dicari oleh majikan kerana ia memberi kesan positif terhadap produktiviti dan kesan kerja. Oleh itu, penguasaan kemahiran kebolehgajian membantu pelajar dalam menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran pekerjaan dan memberi mereka daya saing yang lebih tinggi berbanding pelajar yang kurang dilengkapi dengan kemahiran tersebut.

Selain itu, kajian oleh Salleh dan Hamid (2021) mendapati bahawa pelajar yang aktif menyertai program pembangunan kerjaya seperti latihan industri, bengkel kemahiran, dan program mentor-mentee lebih mudah mendapatkan pekerjaan berbanding pelajar yang hanya bergantung kepada kelayakan akademik semata-mata. Ini menunjukkan bahawa pengalaman praktikal memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kebolehgajian pelajar politeknik.

Kebolehsuaian kerjaya memainkan peranan penting dalam memastikan mereka dapat menghadapi ketidaktentuan pasaran kerja serta membina laluan kerjaya yang stabil dan berjaya (Rahim et al., 2021). Kebolehsuaian kerjaya bukan sahaja melibatkan kemahiran teknikal tetapi juga kemahiran insaniah seperti keupayaan menyelesaikan masalah, fleksibiliti, daya tahan, dan keupayaan membuat keputusan kerjaya yang bijak (Ismail dan Zulkifli, 2022).

Kajian yang dijalankan oleh Zulhazmi dan Khaizer (2021) menyatakan bahawa penerimaan sokongan sosial mempengaruhi kemahiran kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa memberikan pengetahuan tambahan dalam pembinaan kerjaya amat penting, terutamanya bagi pelajar pendidikan tinggi. Tahap kebolehsuaian kerjaya yang tinggi memberikan kesan positif kepada pembangunan kerjaya, di mana pelajar lebih mudah menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan yang mereka hadapi sebelum dan selepas memasuki bidang kerjaya mereka.

Secara keseluruhannya, pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik perlu memiliki tahap keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian, dan kebolehsuaian kerjaya yang tinggi. Aspek-aspek ini juga memainkan peranan penting dalam pembangunan kerjaya pelajar politeknik. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki tahap keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian, dan kebolehsuaian kerjaya yang tinggi lebih berkemungkinan untuk berjaya dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Oleh itu, institusi politeknik perlu terus memperkukuh program pembangunan kerjaya, memperluas kerjasama dengan industri, dan menyediakan sokongan yang lebih baik kepada pelajar untuk memastikan mereka siap menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang pengkaji gunakan dalam kajian ini adalah kajian kolerasi. Kajian kolerasi yang dijalankan adalah melihat hubungan dan interaksi antara pembolehubah tidak bersandar iaitu keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran employability, dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pembolehubah bersandar iaitu pembinaan kerjaya.

Kajian korelasi yang dijalankan bagi kajian ini mempunyai kelebihan untuk melaksanakan kajian berdasarkan asas yang ditetapkan antaranya : 1) mengenalpasti hubungan, 2) mengukur konsistensi dan 3) meramal (Ary et.al.,2006 ; Mazila, 2017). Kajian kolerasi ini juga selari dengan kajian ini kerana kajian kolerasi melibatkan pengumpulan data yang menentukan terdapatnya perhubungan dua atau lebih pembolehubah yang boleh diukur (Gay dan Airasian, 2003; Nurul Hasyimah, 2018). Kajian ini yang dijalankan melihat hubungan antara pemboleh ubah. Analisis inferensi dijalankan bagi mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar adalah keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian, dan penyesuaian kerjaya dan pembolehubah bersandar iaitu pembinaan kerjaya.

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana kemampuannya untuk mengumpul dan menganalisis data berbentuk numerikal bagi tujuan untuk menjelaskan fenomena yang dikaji (Gay et al., 2012; Mohd Effendi, 2015). Penggunaan soal selidik telah digunakan sepenuhnya memandangkan pendekatan ini berupaya mendapatkan maklumat secara terus daripada responden. Ia didapati bersesuaian bagi kajian dengan sampel yang besar (Creswell, 2012; Denscombe, 2010).

Instrumen Kajian

Penggunaan soal selidik telah digunakan sepenuhnya memandangkan pendekatan ini berupaya mendapatkan maklumat secara terus daripada responden. Ia didapati bersesuaian bagi kajian dengan sampel yang besar (Creswell, 2012; Denscombe, 2010). Soal selidik yang digunakan adalah untuk melihat kefahaman dan potensi pelajar yang berkaitan keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian, kemampuan adaptasi kerjaya dan pembinaan kerjaya pelajar Politeknik berkenaan. Sebanyak lima (5) instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut dalam jadual.

Jadual 1 : Instrumen Kajian Yang Dipilih Oleh Pengkaji

Pemboleh ubah	Soal selidik	Sumber	Terjemahan
Keselarasan Kerjaya	Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS)	Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS)	Tersedia dalam Bahasa Melayu
Efikasi Kendiri Kerjaya	<i>Career Decision Self- Efficacy Scale-Short Form (CDSE-SF)</i>	Soal Selidik Kesediaan Kerjaya (Bahagian D), Izwan (2017).	Telah diterjemah dalam Bahasa Melayu.
Kemahiran	Tahap Kemahiran Employability oleh	Soal Selidik Minat Kerjaya, Efikasi	Telah diterjemah dalam Bahasa

Kebolehgajian	<i>Secretary's Commission On Achieving Neccessary Skills (SCANS)</i>	Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Kebolehgajian dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian (Bahagian D), Rohana Abdul Rahim, 2010.	Melayu.
Kebolehsuaian Kerjaya	<i>Career Adapt-Abilities Scale</i>	<i>Career Adapt Abilities Scale</i> , Savickas & Porfeli, 2011.	Telah diterjemah kepada Bahasa Melayu oleh pengkaji melalui proses penterjemahan.
Pembinaan Kerjaya	<i>Student Career Construction Inventory (SCCI)</i>	<i>Student Career Construction Inventory</i> , Savickas, Porfeli & Hilton, 2018.	Telah diterjemah kepada Bahasa Melayu oleh pengkaji melalui proses penterjemahan.

Kebolehpercayaan dan Kesahan

Soal selidik yang digunakan untuk kajian ini telah melalui analisis kebolehpercayaan dengan menggunakan Alpha Cronbach. Kebolehpercayaan soal selidik sangat penting kerana ia memastikan alat ukur yang digunakan dalam kajian sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang tepat dan akurat. Kebolehpercayaan alat ukur ini menunjukkan ketekalan dan konsistensi item-item soalan dalam mengukur konstruk yang diukur, serta kebolehan untuk merentasi pelbagai item dalam instrument (Zuriani dan Muhammad Izzat, 2021). Berikut adalah kebolehpercayaan yang dicapai bagi setiap soal selidik kajian ini :-

Jadual 2 : Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian

Pembolehubah Kajian	Soal Selidik	Kebolehpercayaan Soal Selidik
Keselaran Kerjaya	Soal Selidik Minat Kerjaya	0.974
Efikasi Kerjaya	Soal Selidik Efikasi Kendiri Kerjaya	0.882

Kemahiran Kebolehgajian	Soal Selidik Kemahiran Employabiliti	0.960
Kebolehsuain Kerjaya	Soal Selidik Kemampuan Adaptasi Kerjaya	0.978
Pembinaan Kerjaya	Soal Selidik Pembinaan Kerjaya	0.949

Teknik Analisis Data

Penganalisan data kajian ini dijalankan menggunakan jenis dan kaedah iaitu analisis Kolerasi Pearson dengan menggunakan SPSS Versi 25.0. Kelebihan menggunakan Kolerasi Pearson dalam kajian adalah dapat membandingkan model semasa dengan model tepu dan berfungsi sebagai statistik ujian skor untuk model linear umum. Hubungan ini serupa dengan perkaitan antara ujian skor dan ujian nisbah kemungkinan, yang menunjukkan fungsinya dalam penilaian model (Smyth, 2003).

Analisa dan Keputusan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis kolerasi Pearson. Berikut adalah Keputusan analisis kolerasi diantara keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pembinaan kerjaya adalah seperti berikut:-

Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Keselarasan Kerjaya dan Pembinaan Kerjaya

Jadual 3: Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Keselarasan Kerjaya dan Pembinaan Kerjaya

		Keselaran Kerjaya	Pembinaan Kerjaya
Efikasi Kendiri Kerjaya	<i>Pearson Correlation</i>	1	.218
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000
Pembinaan Kerjaya	<i>Pearson Correlation</i>	.281	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	
	N	274	274

** Kolerasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Dapatan analisis kajian dalam jadual menunjukkan bahawa perhubungan antara Keselarasan Kerjaya dan Pembinaan Kerjaya adalah signifikan kerana nilai p (0.000), $p < 0.05$. Perhubungan antara dua pembolehubah ini adalah lemah kerana $r = 0.281$. Perhubungan dua pembolehubah ini adalah hubungan yang positif. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan kerjaya dan pembinaan kerjaya. Kolerasi Pearson yang dijalankan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pembolehubah (Turney, 2023). Berikut adalah jadual peraturan kekuatan hubungan melalui ujian kolerasi pearson ini :-

Jadual 4: Kekuatan Dan Arah Hubungan Keselarasan Kerjaya Dengan Pembinaan Kerjaya Menggunakan Nilai Pekali Kolerasi Pearson

Nilai Pekali Kolerasi Pearson (r)	Kekuatan	Arah
0.5 dan ke atas	Kuat	Positif
0.3 hingga 0.5	Sederhana	Positif
0 hingga 0.3	Lemah	Positif
0	Tiada	Tiada
0 hingga -0.3	Lemah	Negatif
-0.3 hingga -0.5	Sederhana	Negatif
-0.5 dan ke bawah	Kuat	Negatif

Keputusan Analisa Kolerasi Di Antara Efikasi Kendiri Kerjaya Dan Pembinaan Kerjaya**Jadual 5: Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Efikasi Kendiri Kerjaya dan Pembinaan Kerjaya**

		Efikasi Kendiri Kerjaya	Pembinaan Kerjaya
Efikasi Kendiri Kerjaya	<i>Pearson Correlation</i>	1	.340
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000
Pembinaan Kerjaya	<i>Pearson Correlation</i>	.340	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	
	N	274	274

**Kolerasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Dapatan analisis kajian dalam jadual menunjukkan bahawa perhubungan antara EKK dan PK adalah signifikan kerana nilai p (0.000), $p < 0.05$. Melalui jadual nilai pekali pearson menjelaskan perhubungan antara dua pembolehubah ini adalah sederhana kerana $r = 0.340$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri kerjaya dan pembinaan kerjaya. Perhubungan dua pembolehubah ini adalah hubungan yang positif. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri kerjaya dan pembinaan kerjaya. Kolerasi Pearson yang dijalankan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pembolehubah (Turney, 2023). Berikut adalah jadual peraturan kekuatan hubungan melalui ujian kolerasi pearson ini :-

Jadual 6: Kekuatan Dan Arah Hubungan Efikasi Kendiri Kendiri Dengan Pembinaan Kerjaya Menggunakan Nilai Pekali Kolerasi Pearson

Nilai Pekali Kolerasi Pearson (r)	Kekuatan	Arah
0.5 dan ke atas	Kuat	Positif
0.3 hingga 0.5	Sederhana	Positif
0 hingga 0.3	Lemah	Positif
0	Tiada	Tiada
0 hingga -0.3	Lemah	Negatif
-0.3 hingga -0.5	Sederhana	Negatif
-0.5 dan ke bawah	Kuat	Negatif

Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Kemahiran Kebolehgajian Dan Pembinaan Kerjaya**Jadual 7: Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Kemahiran Kebolehgajian dan Pembinaan Kerjaya**

		Kemahiran Kebolehgajian	Pembinaan Kerjaya
Kemahiran	<i>Pearson Correlation</i>	1	.000
Employability	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.996
Pembinaan	<i>Pearson Correlation</i>	.000	1
Kerjaya	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.996	
	N	274	274

** Kolerasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Dapatan analisis kajian dalam jadual menunjukkan bahawa perhubungan antara KE dan PK adalah tidak signifikan kerana nilai p (0.996), $p > 0.05$. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Kemahiran Kebolehgajian dan pembinaan kerjaya. Berikut adalah jadual peraturan kekuatan hubungan melalui ujian kolerasi pearson ini :-

Jadual 8: Kekuatan Dan Arah Hubungan Kemahiran Kebolehgajian Dengan Pembinaan Kerjaya Menggunakan Nilai Pekali Kolerasi Pearson

Nilai Pekali Kolerasi Pearson (r)	Kekuatan	Arah
0.5 dan ke atas	Kuat	Positif
0.3 hingga 0.5	Sederhana	Positif
0 hingga 0.3	Lemah	Positif
0	Tiada	Tiada
0 hingga -0.3	Lemah	Negatif
-0.3 hingga -0.5	Sederhana	Negatif
-0.5 dan ke bawah	Kuat	Negatif

Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Kebolehsuaian Kerjaya dan Pembinaan Kerjaya**Jadual 9: Keputusan Analisis Kolerasi Diantara Kebolehsuaian Kerjaya dan Pembinaan Kerjaya**

		Kebolehsuaian Kerjaya	Pembinaan Kerjaya
Kemahiran	<i>Pearson Correlation</i>	1	.392
Employability	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000
Pembinaan	<i>Pearson Correlation</i>	.392	1
Kerjaya	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	
	N	274	274

** Kolerasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)


Dapatan analisis kajian dalam jadual menunjukkan bahawa perhubungan antara KAK dan PK adalah tidak signifikan kerana nilai p (0.000), $p < 0.05$. Perhubungan antara dua pembolehubah ini adalah lemah kerana $r = 0.392$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya. Perhubungan dua pembolehubah ini adalah hubungan yang positif. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya. Kolerasi Pearson yang dijalankan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pembolehubah (Turney, 2023). Berikut adalah jadual peraturan kekuatan hubungan melalui ujian kolerasi pearson ini :-

Jadual 10: Kekuatan Dan Arah Hubungan Kebolehsuaian Dengan Pembinaan Kerjaya Menggunakan Nilai Pekali Kolerasi Pearson

Nilai Pekali Kolerasi Pearson (r)	Kekuatan	Arah
0.5 dan ke atas	Kuat	Positif
0.3 hingga 0.5	Sederhana	Positif
0 hingga 0.3	Lemah	Positif
0	Tiada	Tiada
0 hingga -0.3	Lemah	Negatif
-0.3 hingga -0.5	Sederhana	Negatif
-0.5 dan ke bawah	Kuat	Negatif

Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini adalah menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah antara keselarasan kerjaya dan pembinaan kerjaya, hubungan positif yang sederhana antara efikasi sendiri kerjaya dan pembinaan kerjaya, hubungan positif yang sederhana antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik Malaysia. Manakala tidak terdapat hubungan antara kemahiran kebolehgajian dan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia.

Rajah 1: Data Kajian Yang Menunjukkan Hubungan Positif Antara Pembolehubah Kajian



Rumusan

Secara rumusannya, keputusan kajian menjelaskan terdapat hubungan antara keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pembinaan kerjaya. Manakala tidak terdapat hubungan antara kemahiran kebolehgajian terhadap pembinaan kerjaya Pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia.

Jadual 11: Ringkasan Keputusan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian

Objektif Kajian	Keputusan
Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara keselarasan kerjaya dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia	Terima hipotesis
Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara efikasi sendiri kerjaya dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia	Terima hipotesis
Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara kemahiran kebolehgajian dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia	Tolak hipotesis
Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara kebolehsuaian kerjaya dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia	Terima hipotesis

Secara kesimpulannya, data kajian menunjukkan bahawa objektif kajian telah tercapai iaitu dapat menentukan hubungan semua pembolehubah kajian iaitu keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian dan kebolehsuaian kerjaya terhadap pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia.

Dapatan kajian menunjukkan efikasi sendiri kerjaya (EKK) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia. Ini menunjukkan objektif kedua adalah diterima. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian Jay Justin (2017), yang menyatakan efikasi sendiri kerjaya mempunyai hubungan yang positif dengan pembinaan kerjaya.

Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Norazizah, Muslihah, Norizan dan Siti (2020) menunjukkan tahap efikasi sendiri terhadap perkembangan kerjaya responden kajian berada sederhana dan tinggi serta membuktikan satu kelebihan bagi individu mempunyai efikasi sendiri kerjaya yang tinggi kerana berupaya meningkatkan motivasi dan meneruskan pertumbuhan kerjaya dengan baik. Situasi begini memberi maklumat bahawa hubungan efikasi sendiri kerjaya dengan pembinaan kerjaya adalah positif.

Dapatan kajian ini juga dapat disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Wan Hasbullah, Ahmad dan Nor Afifah (2023), menjelaskan pelajar politeknik mempunyai kecenderungan kekuatan dalam efikasi sendiri kerjaya ke arah penentuan keputusan kerjaya dalam proses pembinaan kerjaya. Penjelasan ini dapat dilihat melalui dapatan kajian berkenaan berkaitan konstruk penilaian sendiri iaitu $\text{min} = 4.01$, $\text{SP} = 0.75$, maklumat

pekerjaan iaitu min = 3.97, SP = 0.74, perancangan iaitu min = 3.93, SP = 0.76, matlamat iaitu min = 3.92, SP = 0.76 dan penyelesaian masalah iaitu min = 3.68, SP = 0.79. Ia menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Fatin, Jasmi, Farah dan Nurul (2023) menyatakan kecerdasan emosi memberi sumbangan terhadap efikasi sendiri kerjaya remaja iaitu 24.4%. Ini menunjukkan telah wujud hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dan efikasi sendiri kerjaya remaja. Kajian berkenaan menyatakan semakin tinggi tahap kecerdasan emosi, semakin tinggi dan relevan tahap efikasi sendiri kerjaya seterusnya memberi impak kepada pembinaan kerjaya. Ini menjelaskan terdapat keselarasan dengan dapatan kajian ini iaitu hubungan yang positif wujud antara efikasi sendiri kerjaya dan pembinaan kerjaya.

Dapatan kajian ini memberikan hasil yang berbeza dari kebanyakan hasil kajian iaitu tiada hubungan antara kemahiran kebolehgajian dan pembinaan kerjaya. Dapatan kajian lain menunjukkan kemahiran kebolehgajian mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia. Ini menunjukkan adalah diterima. Hasil kajian ini mendapat sokongan daripada dapatan kajian yang dijalankan oleh Nor Mala dan Azman (2019), menyatakan setiap pelajar atau graduan perlu menyiapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran bagi kesediaan kerjaya dalam proses pembinaan kerjaya. Ini menunjukkan hubungan yang positif antara kemahiran kebolehgajian dan pembinaan kerjaya adalah kuat. Dapatan ini juga disokong oleh Normah, Siti, Arihasnida, Norhasyimah dan Nurul (2020) melalui kajian mereka yang dijalankan di kalangan pelajar Kolej Vokasional menyatakan kemahiran kebolehgajian mempunyai hubungan yang positif terhadap pemilihan kerjaya pelajar dalam proses pembinaan kerjaya.

Kemahiran kebolehgajian adalah elemen yang penting dalam kesediaan kerjaya dalam proses pembinaan kerjaya pelajar. Hasil dapatan kajian daripada Yusmawarti, Noor Shahira, Rohayu dan Halizah (2018) yang dijalankan kepada 140 orang pelajar Kolej Komuniti menunjukkan pensyarah mempunyai peranan penting dalam menerapkan kemahiran kebolehgajian kepada pelajar dengan memperkembangkan lagi kurikulum berkaitan employability supaya disampaikan dengan baik dan beri faedah besar kepada pembinaan kerjaya pelajar. Ia adalah satu kelebihan kepada pelajar yang mempunyai kemahiran kebolehgajian dalam peluang mendapatkan peluang pekerjaan.

Menurut Azyani, Sheerad dan Aida (2019), kajian literatur yang dijalankan memberi kesimpulan bahawa kemahiran kebolehgajian merupakan aspek yang penting yang perlu dimiliki oleh semua pelajar dan graduan atau bakal pekerja (Monzaid dan Hasan, 2015) sebagai persediaan kerjaya dalam proses pembinaan kerjaya. Keadaan ini menambahkan kejelasan bahawa hubungan yang kuat antara kemahiran kebolehgajian dan pembinaan kerjaya.

Banyak dapatan kajian berkaitan wujudnya hubungan antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya adalah selaras dengan dapatan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kebolehsuaian kerjaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia. Ini menunjukkan adalah diterima. Hasil kajian ini mendapat sokongan daripada dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Zulhazmi dan Khaizer (2021), iaitu setiap institusi pengajian tinggi perlu menyediakan dan penekanan yang lebih serius kepada kebolehsuaian kerjaya dan kemahiran tertentu ketika penerokaan

kerjaya. Ini membuktikan bahawa kajian berkenaan menunjukkan sokongan yang selari iaitu telah wujud hubungan yang positif antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya. Dapatan kajian berkenaan juga yang mana dijalankan kepada 226 orang pelajar diploma tahun akhir di kolej vokasional juga menerangkan peningkatan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar akan meningkatkan penglibatan yang efektif oleh pelajar terhadap ekonomi dan secara langsung mengurangkan kadar pengangguran.

Melalui satu kajian yang telah dijalankan oleh Norizan dan Izwan (2020) terhadap 93 orang pelatih Pusat Khidmat Cure & Care, AADK menunjukkan tahap kebolehsuaian kerjaya adalah berada tahap sederhana dan rendah, dan dapatan ini membuktikan kebolehsuaian kerjaya pelatih berkenaan masih kurang pendedahan dan pengetahuan tentang perkembangan kerjaya. Bagi meningkatkan tahap kebolehsuaian kerjaya dalam proses pembinaan kerjaya adalah dibangunkan program pendidikan kerjaya yang bersesuaian bagi menambahkan pengetahuan dan keyakinan pelajar dalam membina kerjaya. Ini membuktikan bahawa hubungan kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya adalah positif. Kajian diatas menunjukkan tambahan sumbangan terhadap perhubungan antara kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Siti dan Wan (2019), menyatakan hubungan tret personaliti dan kebolehsuaian kerjaya adalah signifikan iaitu tret keyakinan dengan nilai $R^2 : 0.383$. Tret Keyakinan dijelaskan sebagai kepercayaan individu dalam mengendalikan cabaran dan halangan dalam membina kerjaya. Dapatan kajian berkenaan membuktikan bahawa hubungan kebolehsuaian kerjaya adalah signifikan dengan pembinaan kerjaya atas faktor seperti pengaruh personaliti seseorang itu.

Kajian yang dijalankan oleh Laramie, R., Hataya, S., dan Patrick, R. (2018), terhadap 1000 orang pelajar universiti di Bangkok, Thailand menunjukkan hipotesis pertama kajian adalah di sokong. Hipotesis kajian berkenaan adalah terdapat hubungan signifikan antara kebolehsuaian kerjaya dan efikasi sendiri kerjaya serta dimediasi oleh keupayaan pemantauan sendiri. Kebolehsuaian kerjaya telah didapati tidak beri kesan secara langsung kepada efikasi sendiri kerjaya dan hipotesis disokong (Sampel 1 – *indirect effect* = .09, *SE* = .03, 95% CI [.04, .15] dan Sampel 2 – *indirect effect* = .12, *SE* = .03, 95% CI [.06, .52]). Ketara dapat dikaitkan dengan dapatan kajian ini di mana hubungan yang signifikan berlaku antara kebolehsuaian kerjaya dengan pembinaan kerjaya. Efikasi sendiri kerjaya juga seperti sedia maklum mempunyai hubungan signifikan dengan pembinaan kerjaya dinyatakan dalam dapatan kajian.

Implikasi Kajian

Implikasi kajian terbahagi kepada dua implikasi iaitu implikasi kepada teori dan implikasi daripada aspek amalan praktik dalam pembinaan kerjaya pelajar Ijazah Sarjana Muda Politeknik di Malaysia.

Implikasi Kepada Teori

Kajian ini menunjukkan hubungan yang signifikan antara keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya, manakala kajian ini juga menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara kemahiran kebolehgajian dan pembinaan kerjaya. Ini adalah sebagai bukti terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pembinaan kerjaya dan juga ada juga faktor yang tidak mempengaruhi dalam pembinaan

kerjaya. Faktor keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kebolehsuaian kerjaya seperti adalah faktor yang beri kepentingan kepada pembinaan kerjaya bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda. Namun, ada juga faktor seperti kemahiran kebolehgajian adalah tidak memberi kepentingan kepada pembinaan kerjaya. Justeru itu, pembolehubah yang mempunyai hubungan seperti keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kebolehsuaian kerjaya perlu dikaji lebih mendalam lagi dengan mengaitkan kepelbagaian teori. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah semuanya dibina berdasarkan budaya barat, justeru itu kajian ini memberikan implikasi terhadap teori yang digunakan dalam konteks di Malaysia.

Implikasi Terhadap Aspek Amalan Praktik

Pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik akan mendapat pendedahan awal bagaimana mereka mampu membuat persediaan dalam menjalani proses pembinaan kerjaya mereka sepanjang dalam pengajian. Kajian ini memberikan maklumat yang jelas iaitu pelajar perlu bersedia dari segi efikasi sendiri kerjaya, mendapatkan keselarasan kerjaya dan melatih diri mereka untuk menghadapi kebolehsuaian kerjaya dengan baik. Pelajar akan mampu bersedia seawal tahun pertama dalam pengajian sehingga tamat belajar. Pelajar juga boleh berbincang dengan ahli keluarga mereka, bertanya kepada pakar kerjaya atau kaunselor kerjaya, mendapatkan maklumat kerjaya dengan lebih awal dan melakukan persediaan kerjaya setelah tamat pengajian dengan baik melalui hubungan pembolehubah kajian yang telah dihasilkan dalam kajian ini.

Hubungan pembolehubah kajian yang telah dihasilkan melalui kajian ini adalah boleh digunakan sebagai rujukan penting kepada perancangan, pembangunan dan perkembangan kerjaya bagi setiap program pengajian yang ditawarkan oleh pihak Politeknik. Pensyarah mendapat kelebihan dalam memberi tunjuk ajar dan pendedahan awal dalam bilik kuliah tentang kerjaya bagi setiap program pengajian mereka dan tidak hanya fokus kepada proses pembelajaran akademik semata-mata. Justeru itu, ia juga memberikan keyakinan yang tinggi kepada pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Pensyarah adalah individu sumber rujukan pelajar bukan hanya kepada akademik malah juga sebagai model pelajar dalam pembinaan kerjaya.

Cadangan Kajian

Bagi cadangan kajian untuk kajian lanjutan atau akan datang, penyelidik mencadangkan bahawa melaksanakan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif akan membantu kajian akan datang memahami lebih mendalam tentang hubungan setiap pemboleh ubah kajian iaitu keselarasan kerjaya, efikasi sendiri kerjaya, kemahiran kebolehgajian, kebolehsuaian kerjaya dan pembinaan kerjaya. Dapatan kajian ini adalah terhad, dan dengan menggunakan pendekatan kualitatif akan datang kemungkinan akan membantu penyelidik akan datang melihat perincian tentang cabaran hubungan pembolehubah bersandar kajian dalam pembinaan kerjaya yang lebih efektif bagi setiap pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

Pengakuan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat seperti tim penerbitan dan penyelidikan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dalam membantu proses kelancaran bagi penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abd. Aziz Yusof. (2000). *Pengurus Dan Gelagat Organisasi Di Abad Ke 21*. Kuala Lumpur : Prentice Hall.
- Adiweni, B.Y & Djuwita, C.R (2022). Manusia dan lingkungan alam : Analisis faktor konfirmatori terhadap Nayure Relatedness Scale Bahasa Indonesia. *Jurnal Psikologi Sosial*. 20 (1) : 57-71
- Ahmed, I. (2009). *Guide To Career Development In Nigeria*. (Unpublished paper presentation) at Career Day held at Government Secondary School Gadabuke on 20 August.
- Ami, P. (2018). *Keselarasan Kerjaya, Motivasi dan Kepuasan Kerja dalam Kalangan Pekerja Persekitaran Maskulin dan Feminim*. UPM, Serdang
- Ann, B. (2018). *How Service-Learning Affects Employability Skills, Empathy, and Civic-Mindedness of Computer Science Students*. Cardinal Stritch University, US
- Anne, P., Merlin, R. & Claude, H. (2023). The relationship between self-esteem, self-efficacy, and career decision-making difficulties : Psychological flourishing as a mediator. *European Journal of Investigation in Health Psychology and Education*. 13 : 1553-1568
- Audu, R., Yusri, K., & Sukri, S.(2013). Acquisition of Employability Skills in Technical Vocational Education : Necessity for the 21st Century Workforce. 7(6) : 9-14
- Awang, A., Wan, M. A., Lim, S. H., & Nur Fairuza, S. Z. (2023). *SEM made simple 2.0: A gentle approach to structural equation modeling*. Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Awang, Z. (2011). *Structural equation modeling using AMOS graphic*. Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Awang, Z. (2012). *Research methodology and data analysis*. Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Awang, Z. (2014). *A handbook on SEM for academic research*. MPWS Rich Resources.
- Awang, Z. (2015). *SEM made simple: A gentle approach to learning Structural Equation Modeling*. MPWS Rich Resources.
- Awang, Z. (2018). *An easy guide to Structural Equation Modeling using AMOS*. MPWS Rich Resources.
- Azyani, M., Sheerad, S., & Aida, H. (2019), Meningkatkan kebolehpasaran Graduan melalui kemahiran kebolehgajian. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. 5(15) : 21-34
- Betz, N.E., Klein, K. & Taylor, K.M. (1996). Evaluation of a short form of career decision making self-efficacy scale. *Journal of Career Assessment*. 4 : 47-57
- Britanny, L. L. (2021). *Career adaptability and work engagement among south african millennials*. University of Johannesburg (South Africa)
- Carson, J.H. (2023). *Skill Importance and Competency in Accounting Graduates : Accounting Employers and Faculty Perceptions*. Wilmington University.
- Darce Pool, L. & Sewell, P. (2007). The Key to employability. Developing a Practical model of graduate employability. *Education + Training*. 49 (4) : 277-289
- Deanna, S.B. (2008). *The Perceptions Held by FFA Members of Employability Skill Development Associated with Agriculture Career Development Events*. University of Missouri, US
- Emmanuel, K.A., Ebenezer, O., Kwadwo, O.A., Nana, K. Michel, P. (2020). Career aspirations and factors influencing career choices of optometry students in Ghana. *Plus One*. 15 (5).

- Fatin, Jasmi, Farah & Nurul, A. (2023). Pengaruh gaya asuhan keibubapaan dan kecerdasan emosi terhadap efikasi sendiri kerjaya remaja. *UMT Journal Of Undergraduate Research*. 5 (1) : 52-62
- Fatin, Jasmi, Farah & Nurul, A. (2023). Pengaruh gaya asuhan keibubapaan dan kecerdasan emosi terhadap efikasi sendiri kerjaya remaja. *UMT Journal Of Undergraduate Research*. 5 (1) : 52-62
- Fornell, C. & Larcker, D. (1981). Evaluating structural equation models with Unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*. 18 (1) : 39-50
- Hariyanti, A.H., Maheran, B., & Azizah, S. (2019). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Siswa Pendidik. *Jurnal Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman*. 26 (2019)
- Hanna, Askin, Hall (2016). First year pharmacy students' views on their chosen professional career. *Am J Pharm Educ*. 80 (9) : 9
- Hui, T., Lau, S. & Yuen, M. (2021). Active learning as a beyond-the-classroom strategy to improve university students' career adaptability. *Sustainability*. 13 : 6246
- Hung, B.S. (2023). Temporal precedence between and mediating effects of career decision self-efficacy and career exploratory behavior among first-year college students : Within person and between-person analyses by race 3 (2) ethnicity and gender. *Journal of Vocational Behavior*. 144 : 103882
- Iris, R.W. (2014). *Predicting 9th Graders' Science Self-Efficacy and STEM Career Intent : A Multilevel Approach*. North Carolina State University
- Ishak, Y., Rahmah, I., Nasir, M.S. & Norlinda, T.A.B. (2009). Prosiding daripada PERKEM IV : *Modal Insan dan Agihan Pendapatan antara Wilayah di Malaysia*. Kuantan, Pahang.
- Isiaka, O.J. (2022). *Institutional Factors Influencing Employability Skills Acquisition Of Business Education Students in Nigerian Universities*. Nigeria. Kwara State University Proquest Dissertations Publishing.
- Izwan, M. (2018). *Kesan Program Kerjaya Psiko-Pendidikan Cognitive Information Processing terhadap Ketidakefungsian Pemikiran Kerjaya dan Efikasi Kendiri Kerjaya Pelajar di Sebuah Universiti Awam*. UPM, Serdang
- Jacobos, G.M. (2012). Career Adapt-Abilities Scale – South African Form : psychometrics properties and construct validity. *Journal of Vocational Behavior*. 80 (3): 730-733
- Jay, J.M. (2017). *The Mediating Influence of Career Aspirations and Career Decision Making Self-Efficacy on Self-Differentiation, Vocational Identity, and Career Indecision*. College Of Education Louisiana Tech University, US
- Karen, A.M. (2013). *Do 'employability skills' matter? How important are employability Skills to teachers, young people and employers today?* University of York, US
- Kevin, S. K. & Francois, B. (2023). Validation of translation of the student career construction inventory in French university students. *The International Journal of Management Education*. 21 (1) : 100751
- Khasmohammadi, M. (2018). Influence of Career Decision-Making Self-Efficacy Career Maturity, Parenting Style, And Parental Perfectionism on Career Decision Among Undergraduates Students. In : UPM
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2023, Ogos 1). Pelan Strategik KPT 2023-2025 22. Diambil daripada <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pelan-strategik-kpt>

- Laramie, R.T., Hatay, S. & Patrick, R. The role of self-monitoring and academic effort in students' career adaptability and job search self-efficacy. *Journal of Career Assessment*. 27 (4) : 726-740.
- Liu, X., Zhang, X., Dang, Y. & Goa, W. (2023). Career education skills and career adaptability among collage students in China: The mediating role of career decision-making self-efficacy. *Journal Behavioral Sciences*. 13 (9): 780.
- Mark, L.S., Erik, J.P., Tracy, L.H., Suzanne, S. (2018). The Student Career Construction Inventory. *Journal of Vocational Behavior*, (106): 138-152
- Mark, L.S., Erik, J.P. (2012). Career Adapt-Abilities Scale : Construction, reliability, and measurement equivalence across 13 countries. *Journal of Vocational Behavior*, 13 : 4C
- Mazila, G. (2017). Tesis PhD. Pengaruh Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi Dan Spiritual Serta Efikasi Kendiri Terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih. In : UPM
- Mohd Azilan, R., Ramlee, M., & Roszelina, A.R. (2018). Hubungan Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar Kolej Vokasional Pertanian dengan Kesiapan Menghadapi Revolusi Industri 4.0. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*. 2(1)
- Mastura, M., Ishak, M. & Hamdan, A. (2008). Kekongruenan personality-persekitaran kursus dan hubungannya dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar. *Jurnal Kemanusiaan*. 12
- Noor Azizah, J., Muslihah, M., Norizan, S., & Siti Nur Afiah, S. (2020). Perbezaan Efikasi Kendiri Terhadap Pembangunan Kerjaya Berdasarkan Faktor Demografi. *Jurnal Ulwan*. 5(1) : 223-225
- Noor Mala, O., & Azman, H. (2019). Elemen kesiapan kerjaya ke arah kebolehpasaran graduan kolej vokasional bidang hospitaliti di Malaysia berdasarkan keperluan pensyarah. *Journal of Management and Operation Research*. 1(20)
- Normah, Z., Nurnadiah, I. & Ana, A. (2016). The Relationship between Employability Skill and Career Choices among Vocational Skill Students. *Innovation of Vocational Technology Education*. 7(2) : 81-84
- Normah, Siti, Arihasnida, Norhasyimah & Nurul (2020), Efikasi kendiri, Kemahiran Kebolehpasaran dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional. *Online Journal For TVET Practitioners*. 5(2)
- Nor Wahiza, M., Nor Haniza, A., & Mastur, M. (2020). Panduan Penulisan Tesis. Diambil daripada https://educ.upm.edu.my/upload/dokumen/menul320210324110551test_1.pdf
- Olawole, O.F., Khulida, K.Y. (2018). Investigating the linkage between proactive personality and social support on career adaptability amidst undergraduate students. *Journal of Business and Social Review in Emerging Economies*, 4 (1) : 81-92
- Patrick, J., Nicholas, J. & Amanda, M. (2009). Relation of depression and affectivity career decision status and self-efficacy in college students. *Journal of Career Assessment*. 17 (3) : 271-285
- Peggy, R. (2005). *The relationship between career interest and personality characteristics among African American women on welfare*. The Florida State University
- Price, C. (2014). *Health information employer, employee, and health information students level of importance of employability skills and actual competencies needed to succeed in the 21st century*. Dowling College. New York.

- Quahiba, B. (2024). *Perceptions of attending a stem sports science summer institute and its influence on student interest in sports science-sports medicine careers*. Indiana University of Pennsylvania
- Rosen, D., Holmberg, K., & Holland, J. (1997). *Educational opportunities finder*. Odessa, FL : Psychological Assessment Resources.
- Rozalita, S. Isyati, S. & Norzira, A. (2019). Keselarasan personaliti dengan pemilihan program teknologi maklumat dan komunikasi di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Seminar Nasional Teknologi Komputer & Sains.136-139
- Safiah, O., Fauziah, N.(2013). Career adaptability and intention to leave among ICT Professional : An exploratory study. *The Turkish Online Journal Of Educational Technology*, 12 (4)
- Sani, I., Hakim, A., Aman, D., Mohd, H., & Rahim, A. (2018). Kematangan Kerjaya Pelajar : Implikasinya Terhadap Kaunseling Kerjaya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontempori*. 18 (1)
- Stephanie, R.L. (2019). *High School Career Development Experiences and Career Development SelfEfficacy in the Prediction of College Major Persistence: An Application of Social Cognitive Career Theory*.
- Sidek, M.N. (2005). *Pengujian dan penilaian dalam kaunseling ; teori dan aplikasi*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Siti, N. & Wan, S. (2019). Pengaruh personaliti terhadap kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pemimpin mahasiswa. *Jurnal Wacana Sarjana*. 3(3)
- Siti Norain, J., Normah, Z. & Norulhuda, A.R. (2018). Prosiding daripada IOP Conf. *Career Choice and Employability Skills for Vocational College Students*. UTHM, IOP Publishing
- SCANS (2001), Secretary's commission on achieving necessary skills, Skills and Task for Jobs, A SCANS Report for America 2000, Washington, DC
- Shafie, L.A. and Nayan, S. (2010). Employability awareness among Malaysian undergraduates. *International Journal of Business and Management*.5 (8) : 119-123
- Tasruff, S.R.F., Abdul Rahman, R.H., Abdul Rahman, A.A. & Abdul Patah, S. (2016). Efikasi Kendiri dan Strategi Pembangunan Kerjaya Kakitangan Sokongan (Self-Efficacy and Career Development Strategy for Support Staff). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*. 4(2) : 125-135
- Turney, S. (2023, 22 Jun). Pearson correlation coefficient (r) : Guide & examples. Diambil daripada <https://www.scribbr.com/statistics/pearson-correlation-coefficient/>
- Yusof, H., Seri, B.M., Aziz, A. & Ramlee, M. (2010). Importance of employability Skills from employers perspective. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 7 (C) : 430-438
- Zhang, J., Zhao, C. , Li, F., Wang, X. & Xu, H. (2023). Longitudinal relationship among career adaptability, resilience, and career commitment in Chinese nursing undergraduate : testing differences in career interest between cross-lagged models. *BMC Nursing*. 22 : 1-11
- Zoolhilmi, M.A., Mohamad Sattar, R. & Norzaini, A. (2014). Hubungan Individu, Persekitaran dan Kebolehsuaian Terhadap Pemilihan Kerjaya Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) : Suatu Analisis Kandungan. *Sains Humanika*. 2(1) : 135-144
- Zulhazmi, Z & Khaizer, O. (2021). Pendekatan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Selangor. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*. 6 (1) : 52-60 of *Vocational Behavior*. 13 (4C)

Zainuddin, A., Wan, M. A., Lim, S.H. & Nur Fairuza, S.Z. (2023). *SEM Made Simple 2.0 A Gentle Approach Of Structural Equation Modelling*.Kuala Nerus : Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Zuraidah,Z. (2022). *Structural equation modeling using amos : a step by step approach*. Tanjung Malim, Perak : Third Printing Zuraidah Zainol